

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KAPAR]**

TARIKH : 16 JULAI 2019 [SELASA]

SOALAN NO. 27

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah tindakan di peringkat Kementerian berkenaan pembuangan pekerja FGV Holdings Berhad.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FGV Holdings Berhad (FGV) telah mengumumkan Pelan Transformasi pada Oktober 2018 di mana salah satu perancangan utama adalah untuk merasionalisasikan aset-aset bukan teras dan yang tidak memberikan pulangan yang baik kepada pemegang saham.
2. Pada 13 Mei lalu, FGV telah mengumumkan proses pembubaran dua buah anak syarikatnya iaitu, Felda Engineering Services Sdn. Bhd. (Felda Engineering) dan Felda Properties Sdn. Bhd. (Felda Properties). Kedua – duanya merupakan perniagaan bukan teras FGV.
3. Felda Engineering dan Felda Properties masing-masing telah diperbadankan pada tahun 1994 dan 1995, terutamanya bagi menyokong projek perumahan dan pembinaan untuk Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). Felda Engineering, sebuah syarikat pengurusan projek, mahupun Felda Properties tidak melaksanakan begitu banyak kerja di luar FELDA atau pun FGV.

NO. SOALAN 27

4. Sejak penyenaraian FGV pada tahun 2012, anak syarikat FELDA, Felda Investment Corporation (FIC) telah mengambil alih sebahagian daripada kerja - kerja di bawah Felda Engineering dan Felda Properties sebelum ini. Selain daripada itu, sektor perladangan FGV mempunyai keupayaan sendiri untuk mengurus dan mengekalkan kemudahan – kemudahannya.
5. FGV telah pun berbincang dengan FELDA selama hampir setahun, dari Februari 2018, dan juga dengan Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad (KPF), dari November 2018, mengenai potensi pengambilalihan Felda Engineering dan Felda Properties. Felda dan KPF tidak bersetuju untuk mengambil alih kedua-dua syarikat ini.
6. Rentetan keputusan kedua-dua belah pihak berkenaan, FGV terpaksa mengambil keputusan yang sukar untuk membubarkan syarikat ini, tetapi dalam masa yang sama tetap mengambil berat mengenai kebijakan pekerja-pekerja yang terlibat. Oleh itu, FGV telah menawarkan pakej pemberhentian mengikut undang-undang dan peraturan - peraturan buruh di Malaysia, kepada sejumlah 135 orang petugas yang terlibat.
7. Setiap pekerja yang terjejas bakal menerima pampasan antara 10 dan 30 gaji bulanan semasa, dan ianya bergantung kepada tempoh perkhidmatan di FGV. Kesemua 135 petugas ini juga bakal menerima liputan insurans perubatan penuh sehingga tempoh 31 Disember 2019. Selain itu, FGV juga turut menyediakan sokongan penempatan kerja baharu kepada semua petugas terjejas dalam usaha membantu proses peralihan yang lancar.
8. Sejumlah 23 petugas dari Felda Engineering dan Felda Properties telah diserap ke bahagian-bahagian lain di dalam FGV.
9. Sebagai sebuah syarikat senaraian awam yang bertanggungjawab, FGV akan sentiasa patuh terhadap segala peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa berkaitan dengan meletakkan kepentingan pemegang saham sebagai keutamaan selari dengan Pelan Transformasi FGV.

Sekian, terima kasih.